

**Rujukan: UKM.PDF.100-1/3/1**

**Tarikh : 10 Jun 2021**

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 15/2021**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Tan Sri/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT KEBENARAN BERTUGAS DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA PERTAMA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan e-mel daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 9 Jun 2021 mengenai perkara di atas.

2. Susulan arahan terkini daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 6 Jun 2021, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KSU KPT) telah mengeluarkan surat edaran berkaitan **Borang dan Surat Kebenaran Bertugas di Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama** yang ditandatangani pada 8 Jun 2021.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan:

- a) Surat KPT mengenai Surat Kebenaran Bertugas di Institut Pendidikan Tinggi Semasa Dalam Tempoh PKP Fasa Pertama (**Lampiran A**);
- b) Borang Kebenaran Bertugas (Staf) (**Lampiran B**);  
Bagi staf dalam kategori perkhidmatan perlu (essential services) yang menjalankan tugas mengikut keperluan perkhidmatan seperti staf dalam kategori Perubatan dan Kesihatan, mohon nyatakan jenis perkhidmatan di kotak ruangan "lain-lain";
- c) Surat Kebenaran Hadir ke IPT Susulan PKP (Pelajar) (**Lampiran C**); dan
- d) Borang Kebenaran Bertugas (Staf)/Surat Kebenaran Hadir Ke IPT Susulan PKP (Pelajar) yang lengkap **hendaklah dikemukakan bersama-sama surat KPT (Lampiran A)** ketika melalui Sekatan Jalan Raja (SJR).



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

4. Sukacita saya ingin menarik perhatian semua bahawa bilangan kehadiran staf ke pejabat adalah masih tertakluk kepada Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.13/2021 bertarikh 2 Jun 2021 dan Pekeliling Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) Bil. 6/2021 bertarikh 31 Mei 2021.

5. Pelaksanaan keperluan mengisi Borang Kebenaran Bertugas (Staf) dan Surat Kebenaran Hadir ke IPT Susulan PKP (Pelajar) adalah **berkuat kuasa 10 Jun 2021 (Khamis)**. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, warga UKM boleh menghubungi Ketua Pentadbiran di Pusat Tanggungjawab (PTj) atau pegawai berikut:


BIL.	URUSAN	MAKLUMAT PEGAWAI
1.	Borang Kebenaran Bertugas (Staf)	Encik Zaidi Mohd Noor Ketua Penolong Pendaftar/Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar E-mel: kbpk@ukm.edu.my; Tel: 03-8921 5075/ 019-271 1676
2.	Surat Kebenaran Hadir ke IPT Susulan PKP (Pelajar)	Encik Asyraf Radzwan Penolong Pendaftar Kanan Pusat Hal Ehwal Pelajar E-mel: asyraf@ukm.edu.my; Tel: 019-313 0151 / 012 - 951 0714

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Tan Sri/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Yang benar,



**DR. HJH. INA MD YASIN**  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
  - Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
  - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
  - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)